

**Swasta IWK: Satu lagi usaha rompak dana awam, kata Pakatan  
The Malaysian Insider  
08 September , 2011  
Oleh Shannon Teoh**

KUALA LUMPUR, 8 Sept — DAP menganggap rancangan kerajaan mahu menswastakan semula Indah Water Konsortium (IWK) sebagai satu lagi usaha merompak duit pembayar cukai dari Perbendaharaan, kata Setiausaha Agung parti Lim Guan Eng hari ini.

Lim berkata, syarikat pembetulan nasional itu merupakan entiti swasta sebelum ia diselamatkan oleh kerajaan 11 tahun lalu dan kini, sekali lagi hendak diswastakan dengan satu persoalan bagaimana hutang RM1.5 bilion yang perlu dibayar kepada Kementerian Kewangan akan dilangsaikan.

“Dulu swasta, kemudian dimiliknegerakan dan sekarang hendak diswastakan semula. Apa bezanya?”

“Akhirnya, kedua-dua model telah gagal sebab ia satu perompakan dana awam,” kata Lim (gambar) pada sidang media di sini hari ini.

Lim juga memberitahu bahawa sebanyak 27 konsesi lebuhraya yang dikeluarkan oleh pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini juga merupakan satu lagi contoh usaha hanya “membantu orang kaya berbanding golongan miskin.”

Pagi tadi The Malaysian Insider membawa laporan bahawa IWK, syarikat pembetulan nasional dijangka akan diswastakan dalam waktu terdekat dan bakal diambil alih oleh sebuah syarikat agensi pelaburan strategik 1MDB.

Kira-kira 11 tahun lalu kerajaan terpaksa menyelamatkan syarikat itu selepas syarikat terdahulu berhadapan dengan masalah kewangan.

Sumber-sumber memberitahu The Malaysian Insider, konsortium diketuai oleh 1MDB itu turut membabitkan penyertaan Puncak Niaga dan langkah itu dikatakan telah menerima lampu hijau oleh Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Bagaimanapun difahamkan bahawa Kementerian Kewangan sedang meneliti secara mendalam usaha tersebut ekoran soal kebimbangan dan kebolehlaksanaan bahawa kerajaan kemungkinan terpaksa berhadapan dengan situasi menyelamatkan syarikat tersebut jika ia gagal sekali lagi.

IWK kini merupakan syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan.

Pada 1994, kerajaan pusat telah menganugerahkan konsesi kepada syarikat untuk mengambil alih perkhidmatan pembetulan seluruh negara.

Sejak itu, IWK telah mengambil alih perkhidmatan pembetulan daripada semua pihak berkuasa tempatan kecuali Kelantan, Sabah, Sarawak dan Majlis Perbandaran Johor Baru.

Di bawah cadangan itu, konsortium 1MDB akan memperoleh IWK dengan bayaran RM1 dan

mengambil alih kesemua hutangnya termasuk pinjaman lebih RM1.5 bilion yang ia perlu selesaikan kepada Kementerian Kewangan.

Konsortium itu mahukan konsesi selama 60 tahun.

Ia juga mempunyai rancangan untuk mengaitkan caj-caj pembedaan dengan bil air.

Pada 2000, pentadbiran Tun Dr Mahathir Mohamad membayar hampir RM200 juta untuk memiliknegerakan IWK demi menjaga kepentingan awam dan mengelakkan gangguan perkhidmatan.

Langkah itu diambil untuk menangani masalah hutang syarikat tersebut ketika itu dianggarkan RM700 juta.

Malah, rancangan baru kerajaan pentadbiran Najib ini dilihat kemungkinan mencetuskan kritikan yang sama sebab membabitkan 1MDB dan Puncak Niaga, sebuah syarikat yang berhubung kait secara politik dengan Putrajaya.

Seorang lagi pemimpin DAP, Liew Chin Tong berkata jika Puncak Niaga berpandangan bahawa ia mempunyai kedudukan kewangan yang baik, "mengapa tidak buka bidaan bebas untuk pengambilalihan? Mengapa melibatkan 1MDB?"

"Ia pengulangan dasar-dasar Mahathirisme," katanya.

Ahli jawatankuasa kerja PAS pusat Dr Dzulkefly Ahmad berkata perkembangan terbaru ini mencerminkan perjanjian pada 2002 di Selangor, ketika Dr Mahathir masih memegang jawatan perdana menteri – yang menyaksikan Puncak Niaga dan pentadbiran kerajaan negeri Selangor BN berkongsi bisnes bekalan air di negeri itu.

"Puncak Niaga mengambil 70 peratus manakala 30 peratus diberikan kepada negeri, memastikan bahawa kerajaan tidak akan membenarkannya gagal," kata beliau lagi.

Dzulkefly yang juga Ahli Parlimen Kuala Selangor menambah, bukan sesuatu yang rahsia urusan sedemikian akan menyumbangkan dana politik kepada Umno khususnya di Selangor di mana Najib pernah berkata bahawa BN perlu mengambil alih negeri paling kaya itu dalam apa jua cara pun.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/swasta-iwk-satu-lagi-usaha-rompak-dana-awam-kata-pakatan/>